

Catat untung kasar RM254 juta

IGB Real Estate Investment Trust (Reit) mencatat keuntungan sebelum cukai lebih rendah sebanyak RM254 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 berbanding RM317.61 juta pada 2014.

Bagaimanapun pendapatannya meningkat 5.9 peratus kepada RM489.19 juta berbanding RM461.79 juta sebelum ini disebabkan pendapatan sewaan yang lebih tinggi, kata IGB Reit dalam makluman kepada Bursa Malaysia.

Bagi suku keempat berakhir 31 Disember 2015, syarikat itu mencatat keuntungan sebelum cukai lebih rendah RM53.13 juta berbanding RM56.24 juta, manakala pendapatan meningkat kepada RM121.43 juta daripada RM119.60 juta. **BERNAMA**